

Headline	Merungkai khasiat herba Melayu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	22	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	503 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 20,569
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,707



RESENSI BUKU

Merungkai khasiat herba Melayu

TONGKAT ali, kacip fatimah, ubi jaga, misai kucing adalah antara tumbuhan ubatan diketahui ramai dan sering digunakan dalam perubatan tradisional Melayu.

Walau bagaimana pun masih banyak tumbuhan ubatan tradisional Melayu tidak dikenali atau tidak diketahui khasiatnya oleh masyarakat umum seperti tulang-tulang, sembung, dedap dan cabai pintal.

Penerbitan buku *Khazanah Perubatan Melayu: Tumbuhan Ubatan* oleh FRIM adalah satu usaha untuk mendokumentasikan tumbuhan ubatan yang digunakan oleh pengamal perubatan tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia. Buku jilid tiga ini adalah kompilasi penggunaan 120 tumbuhan ubatan secara tradisional oleh pengamal perubatan tradisional Melayu.

Ia adalah kesinambungan daripada penerbitan buku jilid 1 dan 2 yang masing-masing memuatkan 220 dan 125 spesies tumbuhan ubatan yang telah diterbitkan pada tahun 2017. Penerbitan ini amat

signifikan kerana maklumat yang dimuatkan merupakan data primer yang diperoleh secara terus daripada pemilik ilmu itu sendiri.

DATA

Pengumpulan data berkaitan penggunaan tumbuhan ubatan ini bermula dengan sesi temu bual dengan seramai 2,934 pengamal di seluruh Semenanjung Malaysia, disusuli dengan tinjauan dengan lebih mendalam tentang penggunaan tumbuhan dalam pengamalan 355 pengamal dan dilengkapi dengan pengumpulan sampel tumbuhan ubatan dengan bantuan seramai 38 orang pengamal.

Penerangan berkaitan pengumpulan data bagi penerbitan ini diterangkan dalam Bab Pengenalan.

Tumbuhan ubatan yang dimuatkan dalam buku ini mempunyai maklumat berkenaan nama saintifik, nama famili dan nama vernakular atau nama tempatan. Maklumat ini penting kerana ada nama tumbuhan yang berbeza mengikut negeri atau tempat.

Contohnya *Ficus hispida* daripada famili Moraceae, bagi pengamal di Kedah

KHAZANAH PERUBATAN MELAYU: TUMBUHAN UBATAN JILID 3

- » **Penulis:** Nik Musa'adah Mustapha, Dionysia Modingin, Abdul Hayat Mat Saad, Madihah Muhammad Nawi, Tan Ai Lee, Noor Aimie Mohd Khair, Fatin Nadiyah Sukhairi, Md Azharulzaman Mohamed Said, Fadzureena Jamaludin dan Nurul Husna Zaidi
- » **Editor:** Nik Musa'adah Mustapha, Nik Zanariah Nik Mahmood, Abd Latif Mohmod, Nor Azah Mohamad Ali dan Norini Haron
- » **Penerbit:** Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- » **Tahun:** 2019
- » **Harga:** RM150.00
- » **ISBN:** 978-967-2149-40-8
- » **Tebal:** 506 muka surat

mereka memanggilnya Ara lempung manakala di Kelantan tumbuhan ini dikenali dengan Ara kecil.

Nama-nama lain yang telah direkodkan juga turut disenarai iaitu ara bombong, ara sungai, ara senigai, pokok seniah dan pokok senil.

CIRI-CIRI

Bagi memudahkan pembaca mengenali pokok tersebut ciri-ciri utama setiap tumbuhan turut disertakan dalam buku ini. Cara



penggunaan secara tradisional dan maklumat bahagian tumbuhan digunakan dan kaedah penyediaan penggunaannya turut disertakan. Buku ini digarap dengan bahasa yang mudah difahami berserta gambar tumbuhan untuk memudahkan pembaca mengenalinya.

Buku ini diterbitkan bukan untuk membuktikan keberkesanan tumbuhan tersebut tetapi inisiatif memulihara ilmu atau khazanah berkaitan tumbuhan ubatan serta bukti kekayaan ilmu perubatan tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia.

Buku ini sesuai sebagai rujukan pengamal perubatan tradisional, penyelidik daripada pelbagai bidang, pihak industri, pelajar atau orang awam.

Maklumat daripada buku ini amat penting dalam meneroka atau dijadikan asas bagi membolehkan setiap spesies tersebut dibuat kajian lanjutan secara saintifik.

Penerbitan ini juga sebagai usaha dalam menghalang berlakunya *biopiracy* dan salah guna seterusnya melindungi harta intelek negara kita.